

BAB EMPAT

ANALISIS PERUBAHAN MORFOLOGI ISTILAH

4.0 PENGENALAN

Bab ini membincangkan istilah yang mengekalkan bentuknya dan istilah yang mengalami perubahan dari segi morfologi. Peratus istilah yang mengekalkan bentuk serta istilah yang mengalami perubahan ditentukan dan diberikan penjelasan. Seterusnya jenis istilah yang mengekalkan bentuknya diberikan huraian dan jenis-jenis perubahan yang berlaku diberikan penjelasan.

4.1 ANALISIS PENGEKALAN BENTUK ISTILAH SELEPAS TEMPOH 20 TAHUN

Bahagian ini membincangkan pengekalan bentuk istilah selepas tempoh 20 tahun, iaitu istilah-istilah yang tidak mengalami sebarang perubahan bentuk dalam tempoh 20 tahun. Daripada analisis yang dibuat, didapati daripada sejumlah 259 istilah yang dianalisis, sejumlah 40 istilah sahaja yang mengekalkan bentuknya. Ini merupakan hanya 15.4% daripada keseluruhan istilah yang dianalisis. Daripada penelitian yang dibuat dapat diperhatikan bahawa istilah yang tidak berubah itu terbahagi kepada dua kumpulan mengikut lambang kata yang membentuk istilah berkenaan, iaitu sama ada istilah yang berasal daripada kata bahasa Melayu atau yang berasal daripada kata asing. Daripada 40 istilah yang mengekalkan bentuknya itu, 62.5% daripadanya atau sejumlah 25 istilah merupakan istilah yang dibentuk daripada kata bahasa Melayu. Senarai istilah tersebut diperturunkan di dalam jadual 4.0.

Jadual 4.0 Istilah Daripada Kosa Kata Bahasa Melayu Yang Mengekalkan Bentuknya

Bil.	Istilah Sumber	Istilah Sasaran	
		1968	1988
1.	backbone	tulang belakang	tulang belakang
2.	bullfrog	katak kuak	katak kuak
3.	burrow	korek	korek
4.	down feather	bulu kapas	bulu kapas
5.	elastic cartilage	rawan kenyal	rawan kenyal
6.	exoskeleton	rangka luar	rangka luar
7.	extinct	pupus	pupus
8.	family	keluarga	keluarga
9.	gall bladder	pundi hempedu	pundi hempedu
10.	kidney	ginjal/buah pinggang	ginjal/buah pinggang
11.	kingdom	alam	alam
12.	midgut or mesentron	usus tengah	usus tengah
13.	muscle	otot	otot
14.	pollination	pendebungaan	pendebungaan
15.	propagation	pembiakan	pembiakan
16.	ring-worm	kurap	kurap
17.	root	akar	akar
18.	stalk	tangkai	tangkai
19.	stimulus	rangsang	rangsang
20.	tail bud	tunas ekor	tunas ekor
21.	turtle	penyu	penyu
22.	vagina	faraj	faraj
23.	weed	rumpai	rumpai
24.	whale	paus	paus
25.	wing	kepak	kepak

Manakala 37.5% daripadanya atau sejumlah 15 istilah merupakan istilah yang dibentuk daripada kata asing, seperti di dalam 4.1.

Jadual 4.1 Istilah Daripada Kosa Kata Bahasa Asing Yang Mengekalkan Bentuknya

Bil.	Istilah Sumber	Istilah Sasaran	
		1968	1988
1.	agametes	agamet	agamet
2.	chalaza	kalaza	kalaza
3.	erepsin	erepsin	erepsin
Bil.	Istilah Sumber	Istilah Sasaran	
		1968	1988
4.	heparin	heparin	heparin
5.	ileum	ileum	ileum
6.	mastodon	mastodon	mastodon
7.	morula	morula	morula
8.	occiput	oksiput	oksiput
9.	ovotestis	ovotestis	ovotestis
10.	pyrenoid	pirenoid	pirenoid
11.	renin	renin	renin
12.	telson	telson	telson
13.	urea	urea	urea
14.	velamen	velamen	velamen
15.	vitamin	vitamin	vitamin

4.1.1 Kesimpulan

Kesimpulan yang dapat dibuat daripada penelitian terhadap data di atas ialah, hanya sedikit sahaja istilah yang dikekalkan bentuknya selepas tempoh 20 tahun iaitu sebanyak 15.4%, sebahagian besarnya (62.5%) dibentuk daripada kata bahasa Melayu, manakala sebahagian lagi (37.5%) dibentuk daripada kata bahasa asing. Pengekalan bentuk istilah ini dapat diuraikan daripada dua aspek. Pertama, istilah yang dibentuk daripada kosa kata bahasa Melayu merupakan kata yang lazim digunakan sehari-hari. Kata-kata tersebut dapat menerangkan kesemua konsep makna yang ada pada istilah sumber misalnya, *extinct* – ‘pupus’; *family* – ‘keluarga’; *muscle* – ‘otot’; *root* – ‘akar’ dan *wing* – ‘kepak’. Oleh itu, istilah-istilah tersebut tidak perlu diubah. Kedua, istilah yang dibentuk daripada kosa kata asing pula merupakan kata yang khusus yang tidak terdapat dalam kosa kata umum bahasa Melayu. Misalnya, *heparin* – ‘heparin’; *morula* – ‘morula’; *pyrenoid* – ‘pirenoid’ dan *telson* – ‘telson. Dalam hal ini, istilah tersebut tidak diubah kemungkinan kerana kata dalam bahasa Melayu atau bahasa yang serumpun dengannya yang dapat

menerangkan kesemua konsep istilah berkenaan tidak atau belum ditemui. Kemungkinan juga daripada hasil penyelidikan tentang penyebaran istilah mendapati bahawa istilah-istilah tersebut dapat diterima umum yang dapat dibuktikan oleh penggunaan istilah berkenaan dalam buku-buku teks sekolah dan institusi pengajian tinggi. Oleh sebab itu, istilah tersebut dikekalkan bentuknya. Di samping itu, bahasa Melayu juga mendapat kebaikan daripadanya, iaitu melalui penyerapan kata-kata asing itu dapat memperkaya kosa kata bahasa Melayu. Sebahagian besar istilah yang diteliti itu didapati mengalami perubahan selepas tempoh 20 tahun. Perubahan ini yang diberi perhatian istimewa dalam kajian ini dapat dilihat dalam bahagian yang berikut.

4.2 ANALISIS PERUBAHAN BENTUK ISTILAH SELEPAS TEMPOH 20 TAHUN

Bahagian ini membincangkan perubahan bentuk istilah selepas tempoh 20 tahun. Analisis yang dibuat mendapati bahawa daripada 259 sampel istilah sebahagian besar daripadanya telah mengalami perubahan, iaitu sebanyak 219 istilah atau 84.6%. Daripada penelitian yang dibuat, didapati bahawa perubahan yang berlaku dapat dikelaskan kepada jenis-jenis yang berikut :

- i. Perubahan yang melibatkan faktor sejarah, iaitu perubahan akibat berlakunya pertukaran semasa dalam Sistem Ejaan, dll.
- ii. Perubahan yang melibatkan lambang kata daripada asal-usul yang sama atau berlainan.
- iii. Perubahan yang melibatkan kategori kata, seperti perbezaan dalam penggunaan jenis-jenis kata, misalnya kata akar, kata berimbuhan, kata ulang, kata gabungan, kata bersisipan, akronim, dll.

- iv. Perubahan akibat gabungan faktor di atas dan faktor-faktor lain, misalnya perbezaan jumlah kata yang digabungkan untuk membentuk sesuatu istilah.

4.2.1 Perubahan yang Melibatkan Faktor Sejarah

Istilah yang terlibat dengan perubahan jenis ini boleh dianggap sebagai istilah yang tidak berubah dari segi semantik kerana perubahan jenis ini tidak langsung melibatkan perubahan makna istilah yang berkenaan. Perubahan ini dibuat sekadar memenuhi keperluan semasa dalam memperbaiki sistem formal dalam sesuatu bahasa semasa perkembangan dan pembinaan bahasa berkenaan. Contoh istilah yang berubah akibat faktor sejarah ini adalah seperti yang berikut :

1. *aecidium* (istilah sumber)- 'asidiam' (istilah sasaran 1968) ; 'aesidium' (istilah sasaran 1988)

Istilah 'asidiam' (1968) merupakan bentuk akar bebas yang dipinjam daripada istilah asing *aecidium* dan disesuaikan ejaannya mengikut *Pedoman Pembentukan Istilah* pada masa itu, iaitu ejaan 'asidiam' dibentuk mengikut sebutan bagi kata *aecidium* dalam bahasa sumber. Istilah 'asidiam' diubah menjadi istilah 'aesidium' pada tahun 1988. Perubahan ini melibatkan perubahan ejaan, iaitu 'aesidium' dieja mengikut *Pedoman Pembentukan Istilah* yang lebih terkini, dengan ejaan 'aesidium' dibentuk mengikut bentuk visual ejaannya dalam bahasa sumber. Perubahan ini juga dapat memudahkan pengguna merujuk asal-usul kata tersebut.

2. *glycogen* (istilah sumber)- 'gelaikojen' (istilah sasaran 1968) ; 'glikogen' (istilah sasaran 1988)

Istilah 'gelaikojen' merupakan kata gabungan yang berasal daripada kata Yunani *glykys* (*sweet*) dan *genes* (*producing*), dan ejaannya disesuaikan ke dalam bahasa sasaran (bahasa Melayu) mengikut sebutan kata *glycogen* dalam bahasa sumber (bahasa Inggeris). Istilah 'gelaikojen' kemudian diubah menjadi 'glikogen' pada tahun 1988 kerana mengikut *Pedoman Pembentukan Istilah* yang lebih terkini, kata asing yang dipinjam ke dalam bahasa Melayu disesuaikan ejaannya mengikut bentuk visual ejaan dalam bahasa sumber. Perubahan ejaan istilah ini dapat memudahkan pengguna mengesan asal-usul kata tersebut.

3. *jellyfish* (istilah sumber)- 'ampai2' (istilah sasaran 1968) ; 'ampai-ampai' (istilah sasaran 1988)

Istilah 'ampai2' merupakan bentuk kata ulang daripada kata umum bahasa Melayu. Ejaan 'ampai2' adalah mengikut sistem ejaan lama, iaitu kata ulang dieja dengan menggunakan angka dua (2). Pada tahun 1988 ejaan bagi kata 'ampai2' diubah menjadi 'ampai-ampai' mengikut sistem ejaan baru, iaitu kata ulang dieja menggunakan tanda sempang dan kata tersebut ditulis berulang ('ampai-ampai').

4. *lobule* (istilah sumber)- 'lobula' (istilah sasaran 1968) ; 'lobul' (istilah sasaran 1988)

Istilah 'lobula' merupakan bentuk kata akar yang berasal daripada kata Latin *lobus* (*lobe*), dan ejaan disesuaikan ke dalam bahasa sasaran (bahasa Melayu) mengikut *Pedoman Pembentukan Istilah* pada masa itu, yang menganjurkan supaya bagi kata pinjaman, ejaan bagi kata asing yang mempunyai akhiran -e, digantikan dengan akhiran -a dalam bahasa sasaran. Oleh itu, *lobule* menjadi 'lobula'. Pada tahun 1988, 'lobula' diubah menjadi 'lobul' kerana mengikut

Pedoman Pembentukan Istilah yang lebih terkini, ejaan bagi kata asing yang berakhiran –e, vokal e tersebut digugurkan. Oleh itu, *lobule* menjadi ‘lobul’. Penukaran istilah ‘lobula’ menjadi ‘lobul’ juga memudahkan rujukan terhadap asal-usul kata tersebut dibuat, di samping sebutan kata ‘lobul’ yang lebih hampir dengan sebutan istilah tersebut dalam bahasa sumbernya.

5. *small intestine* (istilah sumber)- ‘usus kecil’ (istilah sasaran 1968) ; ‘usus kecil’ (istilah sasaran 1988)

Istilah ‘usus kecil’ merupakan gabungan dua kata akar daripada kosa kata umum bahasa Melayu. Ejaannya mengikut Sistem Ejaan Za’aba, iaitu bunyi letusan tak bersuara gusi-lelangit keras /c/ dalam kata kecil menggunakan grafem <ch>. Istilah ‘usus kecil’ diubah ejaannya menjadi ‘usus kecil’ pada tahun 1988 kerana mengikut Sistem Ejaan Baru, bunyi letusan tak bersuara gusi-lelangit keras /c/ dalam ‘kecil’ menggunakan grafem <c> sahaja dan bukannya grafem <ch>.

6. *hookworm* (istilah sumber)- ‘chaching kerawit’ (istilah sasaran 1968) ; ‘cacing kerawit’ (istilah sasaran 1988)

Istilah ‘cacing kerawit’ merupakan gabungan dua kata akar daripada kosa kata umum bahasa Melayu. Ejaan ‘chaching’ mengikut Sistem Ejaan Za’aba, iaitu bunyi letusan tak bersuara gusi-lelangit keras /c/ dalam kata ‘chaching’ menggunakan grafem <ch>. Istilah ‘chaching kerawit’ berubah ejaannya menjadi ‘cacing kerawit’ pada 1988 kerana mengikut Sistem Ejaan Baru yang dirasmikan penggunaannya pada 1972, bunyi letusan tak bersuara gusi-lelangit keras /c/ dalam kata ‘cacing’ menggunakan grafem <c> sahaja. Perubahan bentuk ejaan ini tidak membawa perubahan makna kepada istilah tersebut.

7. *hypophysis* – ‘hipophisis’ (istilah sasaran 1968) ; ‘hipofisis’ (istilah sasaran 1988)

Istilah *hypophysis* merupakan bentuk gabungan kata yang berasal daripada kata Yunani *hypo* (*under*) + *physis* (*growth*). Istilah tersebut diserap masuk ke dalam bahasa Melayu pada 1968 dan disesuaikan ejaannya menjadi ‘hipophisis’, mengikut Pedoman Pembentukan Istilah pada masa itu yang menyarankan supaya ejaan kata asing –ph- dikekalkan sebagai –ph- dalam bahasa Melayu. Pada tahun 1988 istilah ‘hipophisis’ ditukar menjadi ‘hipofisis’ kerana Pedoman Pembentukan Istilah terkini menyarankan penyesuaian ejaan –ph- pada kata asing menjadi –f- dalam bahasa Melayu. Oleh sebab itu, kata *hypophysis* disesuaikan menjadi ‘hipofisis’. Perubahan bentuk ejaan ini tidak membawa sebarang perubahan makna kepada istilah tersebut. Sebutan ‘hipofisis’ adalah lebih hampir kepada sebutan kata *hypophysis* dalam bahasa sumbernya.

8. *karyosome* (istilah sumber) – ‘kariosoma’ (istilah sasaran 1968) ; ‘kariosom’ (istilah sasaran 1988)

Istilah *karyosome* merupakan bentuk gabungan kata yang berasal daripada kata Yunani *karyon* (*nucleus*) + *soma* (*body*). Istilah tersebut diserap masuk ke dalam bahasa Melayu pada 1968 dengan penyesuaian ejaan mengikut *Pedoman Pembentukan Istilah* pada masa itu, yang menyarankan supaya kata asing yang berakhir dengan –me menjadi –ma dalam bahasa Melayu. Oleh sebab itu, kata *karyosome* disesuaikan menjadi ‘kariosoma’. Pada 1988, istilah ‘kariosoma’ diubah menjadi ‘kariosom’. Hal ini kerana perubahan *Pedoman Pembentukan Istilah* yang lebih terkini, yang menyarankan supaya kata asing yang berakhiran –

me, vokal e tersebut digugurkan. Ini juga akan menghasilkan sebutan yang sama dengan sebutan istilah berkenaan dalam bahasa sumber.

9. *labyrinth* (istilah sumber) – ‘laberin’ (istilah sasaran 1968) ; ‘labirin’ (istilah sasaran 1988)

Istilah *labyrinth* merupakan bentuk kata akar yang berasal daripada kata Latin, *labyrinthus* (*labyrinth*). Kata tersebut diserap ke dalam bahasa Melayu dengan penyesuaian ejaan mengikut *Pedoman Pembentukan Istilah* pada masa itu. Pedoman tersebut menyarankan supaya kata asing yang dipinjam dieja mengikut sebutan kata tersebut dalam bahasa sumber. Oleh sebab itu, *labyrinth* dieja sebagai ‘laberin’. Pada tahun 1988, istilah ‘laberin’ diubah menjadi ‘labirin’ kerana pedoman penyesuaian ejaan dalam *Pedoman Pembentukan Istilah* yang lebih terkini menyarankan supaya kata asing yang diserap dieja mengikut visual kata tersebut, dengan penyesuaian pada vokal dan konsonan tertentu. Oleh sebab itu, kata *labyrinth* menjadi ‘labirin’, yang melibatkan konsonan y pada kata asing menjadi i dalam bahasa sumber, dan gugus konsonan th pada akhir kata asing digugurkan pada kata dalam bahasa Melayu.

10. *lysosome* (istilah sumber) – ‘lisosoma’ (istilah sasaran 1968) ; ‘lisosom’ (istilah sasaran 1988)

Istilah *lysosome* merupakan gabungan kata yang berasal daripada kata Yunani, *lysis* (*loosing*) + *soma* (*body*). Kata tersebut diserap ke dalam bahasa Melayu dengan penyesuaian ejaan mengikut pedoman penyesuaian ejaan dalam *Pedoman Pembentukan Istilah* pada masa itu yang menyarankan supaya kata asing yang berakhiran –e digantikan dengan akhiran –a dalam bahasa Melayu. Oleh sebab

itu, *lysosome* menjadi 'lisosoma'. Pada tahun 1988, 'lisosoma' menjadi 'lisosom' kerana perubahan pedoman penyesuaian ejaan dalam *Pedoman Pembentukan Istilah* yang lebih terkini. Pedoman tersebut menyarankan supaya kata asing yang berakhiran -e, vokal e tersebut digugurkan. Ini menghasilkan istilah 'lisosom' daripada kata asing *lysosome* setelah penyesuaian ejaan dibuat. Sebutan 'lisosom' sama dengan sebutan kata tersebut dalam bahasa sumber.

Senarai lengkap istilah yang mengalami perubahan akibat faktor sejarah serta keterangan lengkap mengenai perubahan berkenaan dapat dilihat dalam lampiran 2.

Daripada analisis yang dibuat, didapati bahawa terdapat 28 istilah daripada 219 sampel istilah yang berubah, yang mengalami perubahan jenis ini atau 12.8% daripada keseluruhan istilah yang berubah.

4.2.2 Perubahan yang Melibatkan Lambang Kata yang Berbeza

Perubahan jenis ini melibatkan perubahan dalam pemilihan kata sama ada lambang kata daripada asal-usul yang sama atau berlainan. Walaupun kata tersebut mungkin bersinonimi, proses perubahan ini menghasilkan istilah yang mempunyai lambang-lambang yang berbeza. Contohnya adalah seperti yang berikut :

1. *abaxial* (istilah sumber)- 'belakang' (istilah sasaran 1968) ; 'abaksial' (istilah sasaran 1988)

Istilah 'belakang' merupakan bentuk akar bebas daripada kosa kata umum bahasa Melayu. Istilah 'belakang' diubah menjadi 'abaksial' pada tahun 1988. Kata 'abaksial' merupakan bentuk gabungan kata yang berasal daripada kata Latin, *ab*

(*from*) dan *axis* (*axle*). Oleh itu, perbezaannya ialah lambang 'belakang' dan 'abaksial' yang mempunyai asal-usul yang berlainan. Perubahan juga berlaku daripada kata yang lebih umum ('belakang') kepada kata yang lebih teknikal ('abaksial'). Perubahan ini menghasilkan kata yang lebih telus ('belakang') iaitu kata yang lebih mudah difahami menjadi kata yang lebih kabur ('abaksial') iaitu kata yang lebih sukar difahami tanpa merujuk makna daripada kamus.

2. *amnion* (istilah sumber)- 'tembuni' (istilah sasaran 1968) ; 'amnion' (istilah sasaran 1988)

Istilah 'tembuni' merupakan bentuk akar bebas daripada kosa kata umum bahasa Melayu, manakala istilah 'amnion' pula merupakan bentuk akar bebas yang berasal daripada kata Yunani *amnion* (*foetal membrane*). Oleh itu, perubahan istilah 'tembuni' (1968) kepada 'amnion' (1988) melibatkan perubahan lambang yang mempunyai asal-usul yang berlainan. Perubahan juga berlaku daripada kata yang lebih umum ('tembuni') kepada kata yang lebih teknikal ('amnion'). Perubahan ini menjadikan kata yang lebih telus ('tembuni') iaitu kata yang lebih mudah difahami bertukar kepada kata yang lebih kabur ('amnion') iaitu kata yang lebih sukar difahami tanpa merujuk makna daripada kamus

3. *decumbent* (istilah sumber)- 'melunjor' (istilah sasaran 1968) ; 'melata' (istilah sasaran 1988)

Istilah 'melunjor' merupakan bentuk berimbuhan awalan me- + kata akar 'lunjor', manakala istilah 'melata' pula merupakan bentuk berimbuhan awalan me- + kata akar 'lata'. Kedua-dua kata akar 'lunjor' dan 'lata' berasal daripada kosa kata umum bahasa Melayu. Oleh itu, perubahan istilah 'melunjor' (1968) kepada

'melata' (1988) merupakan perubahan pemilihan lambang kata daripada asal-usul yang sama, iaitu pemilihan kata 'melata' menggantikan kata 'melunyor'.

4. *dissect* (istilah sumber)- 'belah' (istilah sasaran 1968) ; 'bedah' (istilah sasaran 1988)

Istilah 'belah' merupakan bentuk akar bebas daripada kosa kata umum bahasa Melayu begitu juga dengan istilah 'bedah'. Oleh itu, perubahan 'belah' (1968) kepada 'bedah' (1988) merupakan perubahan yang melibatkan perbezaan pemilihan lambang kata yang mempunyai asal-usul yang sama, iaitu pemilihan kata 'bedah' menggantikan 'belah'.

5. *epidermis* (istilah sumber)- 'kulit luar' (istilah sasaran 1968) ; 'epidermis' (istilah sasaran 1988)

Istilah 'kulit luar' merupakan bentuk gabungan dua kata akar daripada kosa kata umum bahasa Melayu. Istilah 'epidermis' pula merupakan bentuk gabungan dua kata akar yang berasal daripada kata Yunani *epi (upon) + derma (skin)*. Oleh itu, perubahan istilah 'kulit luar' (1968) kepada 'epidermis' (1988) merupakan perubahan yang melibatkan perbezaan pemilihan lambang kata yang mempunyai asal-usul yang berlainan, iaitu pemilihan kata 'epidermis' menggantikan 'kulit luar'. Perubahan ini juga melibatkan perubahan bentuk kata gabungan ('kulit luar') kepada bentuk akar bebas ('epidermis') dalam bahasa Melayu. Selain itu, kategori kata juga berubah, iaitu daripada kata gabungan ('kulit luar') menjadi kata tunggal ('epidermis'). Perubahan ini juga melibatkan perubahan daripada kata yang lebih umum ('kulit luar') kepada kata yang lebih teknikal ('epidermis'), yang seterusnya menyebabkan berlakunya perubahan daripada kata yang lebih

telus ('kulit luar') kepada kata yang lebih kabur ('epidermis') dari segi pemahaman maknanya.

6. *acetabulum* (istilah sumber) – 'lesong' (istilah sumber 1968) ; 'asetabulum' (istilah sasaran 1988)

Istilah 'lesong' (ejaan diubah menjadi 'lesung' mengikut Sistem Ejaan Baru pada selepas tahun 1972) merupakan bentuk akar bebas daripada kosa kata umum bahasa Melayu. Istilah 'lesung' diubah menjadi 'asetabulum' pada tahun 1988 .

'Asetabulum' merupakan kata pinjaman asing yang berasal daripada kata Latin, *acetabulum* (*vinegar cup*) yang diubah suai ejaannya ke dalam bahasa Melayu. Perubahan yang berlaku ialah perubahan dalam pemilihan kata, iaitu pemilihan kata 'lesung' daripada kosa kata umum bahasa Melayu kepada kata 'asetabulum' daripada kosa kata asing. Perubahan istilah 'lesung' kepada 'asetabulum' juga merupakan perubahan istilah yang lebih umum ('lesung') kepada istilah yang lebih teknikal ('asetabulum'). Perubahan ini juga melibatkan perubahan daripada kata yang mempunyai makna yang lebih telus ('lesung') kepada kata yang lebih kabur ('asetabulum') dari segi maknanya.

7. *bacteria* (istilah sumber) – 'kuman' (istilah sasaran 1968) ; 'bakteria' (istilah sasaran 1988)

Istilah 'kuman' merupakan bentuk kata akar daripada kosa kata umum bahasa Melayu. Istilah tersebut kemudiannya diubah menjadi 'bakteria' pada tahun 1988. Istilah 'bakteria' merupakan istilah yang dipinjam daripada kata yang berasal dari kata Yunani *bacterion* (*small rod*) dan disesuaikan ejaannya ke dalam bahasa Melayu. Perubahan yang berlaku ialah perubahan dalam pemilihan kata, iaitu

istilah 'kuman' menjadi 'bakteria' merupakan perubahan kata yang lebih umum ('kuman') menjadi kata yang lebih teknikal ('bakteria'). Perubahan ini juga menyebabkan berlakunya kelegapan makna kerana kata 'bakteria' yang lebih sukar difahami berbanding dengan kata 'kuman' yang lebih telus maknanya.

8. *blastocoel* (istilah sumber) – 'rongga belastula' (istilah sasaran 1968) ;
'blastoselom' (istilah sasaran 1988)

Istilah 'rongga belastula' merupakan bentuk gabungan kata daripada kosa kata umum bahasa Melayu dan bahasa asing. Istilah 'rongga belastula' diubah menjadi 'blastoselom' pada tahun 1988. Perubahan yang berlaku ialah istilah 'rongga belastula' lebih bersifat ke-Melayuan kerana melibatkan unsur kata daripada bahasa Melayu ('rongga'), manakala istilah 'blastoselom' pula merupakan istilah pinjaman yang berasal daripada kata Yunani, *blastos* (*bud*) + *koiolos* (*hollow*). Selain itu, perubahan lain yang dicerap ialah perubahan daripada kata gabungan 'rongga belastula' kepada bentuk kata tunggal ('blastoselom') dalam bahasa Melayu.

9. *bifoliate* (istilah sumber) – 'duadaun' (istilah sasaran 1968) ; 'bifoliat' (istilah sasaran 1988)

Istilah 'duadaun' merupakan bentuk gabungan kata daripada kosa kata umum bahasa Melayu. Istilah 'duadaun' diubah menjadi 'bifoliat' pada tahun 1988. Istilah 'bifoliat' merupakan istilah pinjaman yang berasal daripada kata Latin, *bis* (*twice*) + *folium* (*leaf*) yang disesuaikan ejaannya ke dalam bahasa Melayu.

Perubahan 'duadaun' menjadi 'bifoliat' merupakan perubahan daripada kata yang lebih umum kepada kata yang lebih teknikal. Perubahan ini juga melibatkan perubahan daripada kata yang lebih telus ('duadaun') kepada kata yang lebih kabur ('bifoliat') dari segi maknanya. Selain itu berlaku juga perubahan daripada kategori kata gabung ('duadaun') kepada kata tunggal ('bifoliat') dalam bahasa Melayu.

10. oxytosin (istilah sumber) – 'hormon penguncup' (istilah sasaran 1968) ;
'oksitosin' (istilah sasaran 1988)

Istilah 'hormon penguncup' (dieja sebagai 'hormon penguncup' mengikut Sistem Ejaan Baru selepas tahun 1972) merupakan gabungan kata daripada kosa kata umum bahasa Melayu. Istilah 'hormon penguncup' diubah menjadi 'oksitosin' pada tahun 1988. Istilah 'oksitosin' merupakan kata pinjaman yang berasal daripada kata Yunani, *oxy*s (*sharp*) + *tokos* (*birth*). Perubahan yang berlaku ialah perubahan kata yang lebih umum iaitu 'hormon penguncup' menjadi kata yang lebih teknikal yakni 'oksitosin'. Perubahan ini menyebabkan berlakunya perubahan daripada kata yang telus maknanya ('hormon penguncup') kepada kata yang lebih kabur ('oksitosin') dari segi maknanya. Selain itu, berlaku juga perubahan kategori kata daripada kata gabungan ('hormon penguncup') kepada kata tunggal ('oksitosin') dalam bahasa Melayu.

Senarai lengkap istilah yang mengalami perubahan akibat perubahan dalam pemilihan lambang serta keterangan lengkap mengenainya dapat dilihat dalam lampiran 2. Daripada analisis yang dibuat, didapati bahawa terdapat 80 istilah

daripada 219 sampel istilah yang berubah, yang mengalami perubahan jenis ini, atau 36.5% daripada keseluruhan istilah yang berubah.

4.2.3 Perubahan yang Melibatkan Kategori Kata

Perubahan jenis ini merupakan perubahan yang melibatkan kategori kata, seperti pemilihan kata daripada kategori yang berlainan, sama ada kata akar, kata berimbuhan, kata ulang, kata gabungan, kata akronim, kata bersisipan, dll.

Contohnya adalah seperti yang berikut :

1. *cutaneous* (istilah sumber)- 'kulit' (istilah sasaran 1968) ; 'kulitan' (istilah sasaran 1988)

Istilah 'kulit' merupakan bentuk akar bebas daripada kosa kata umum bahasa Melayu. Manakala istilah 'kulitan' pula merupakan kata berimbuhan, iaitu kata akar 'kulit' + imbuhan akhiran -an yang juga berasal daripada kosa kata umum bahasa Melayu. Perubahan istilah 'kulit' (1968) kepada 'kulitan' (1988) merupakan perubahan yang melibatkan perubahan daripada kata akar bebas menjadi kata berimbuhan.

2. *indentation* (istilah sumber)- 'lekok' (istilah sasaran 1968) ; 'pelekukan' (istilah sasaran 1988)

Istilah 'lekok' (perubahan kepada 'lekuk' pada tahun 1972 mengikut Sistem Ejaan Baru) merupakan bentuk akar bebas daripada kosa kata umum bahasa Melayu, manakala istilah 'pelekukan' pula merupakan bentuk berimbuhan awalan pe- + kata akar 'lekuk' + akhiran -an, yang juga berasal daripada kata bahasa Melayu. Oleh itu, perubahan istilah 'lekok' (1968) kepada istilah 'pelekukan' (1988)

merupakan perubahan yang melibatkan perubahan daripada kata akar bebas menjadi kata berimbuhan.

3. *volatile* (istilah sumber)- 'ruapan' (istilah sasaran 1968) ; 'meruap' (istilah sasaran 1988)

Istilah 'ruapan' merupakan bentuk berimbuhan akhir, iaitu kata akar 'ruap' + akhiran -an, daripada kosa kata umum bahasa Melayu. Istilah 'meruap' pula merupakan kata berimbuhan awalan, iaitu awalan me- + kata akar 'ruap'. Oleh itu, perubahan istilah 'ruapan' (1968) kepada 'meruap' (1988) merupakan perubahan yang melibatkan penggunaan imbuhan yang berbeza, iaitu kata berimbuhan akhir berubah menjadi kata berimbuhan awal.

4. *deltoid* (istilah sumber) – 'delta' (istilah sasaran 1968) ; 'deltoid' (istilah sasaran 1988)

Istilah 'delta' merupakan istilah pinjaman yang berasal daripada kata Yunani, Δ (*delta*). Istilah 'delta' merupakan bentuk akar bebas yang dipinjam ke dalam bahasa Melayu. Pada tahun 1988, istilah 'delta' diubah menjadi 'deltoid' yang juga merupakan istilah pinjaman yang berasal daripada kata Yunani, Δ (*delta*) + *eidos* (*form*). Perubahan yang berlaku dalam kes ini ialah perubahan bentuk kata yang dipinjam ke dalam bahasa Melayu, iaitu peminjaman kata daripada kata akar bebas (*delta*) kepada bentuk gabungan dalam bahasa sumber (*deltoid*).

5. *feelers* (istilah sumber) – 'sesungut' (istilah sasaran 1968) ; 'perasa' (istilah sasaran 1988)

Istilah 'sesungut' merupakan istilah berbentuk kata akar bebas daripada kosa kata umum bahasa Melayu. Istilah 'sesungut' diubah kepada 'perasa' pada tahun 1988.

Perubahan yang terlibat ialah perubahan daripada istilah berbentuk kata akar bebas ('sesungut') kepada istilah berimbuhan awalan pe- ('perasa').

6. *iris* (istilah sumber) – 'mata hitam' (istilah sasaran 1968) ; 'iris' (istilah sasaran 1988)

Istilah 'mata hitam' merupakan istilah berbentuk gabungan daripada kosa kata umum bahasa Melayu. Istilah 'mata hitam' diubah menjadi 'iris' pada 1988. Iris merupakan istilah pinjaman yang berasal daripada kata Latin, *iris* (rainbow).

Perubahan yang berlaku ialah perubahan kategori kata gabungan ('mata hitam') menjadi kata tunggal ('iris'). Selain itu, perubahan itu juga melibatkan perubahan daripada bentuk kata umum ('mata hitam') kepada bentuk teknikal ('iris'). Perubahan ini menyebabkan timbulnya perubahan ketelusan makna ('mata hitam') kepada kekaburan makna ('iris') kerana kata 'mata hitam' yang lebih mudah difahami berbanding dengan kata 'iris'.

7. *quill* (istilah sumber) – 'pelepah' (istilah sasaran 1968) ; 'pelepah', 'duri landak' (istilah sasaran 1988)

Istilah 'pelepah' merupakan istilah berbentuk akar bebas daripada kosa kata umum bahasa Melayu. Pada tahun 1988 istilah *quill* diberi satu lagi padanan makna polisemi iaitu 'duri landak'. Istilah 'duri landak' merupakan bentuk kata gabungan daripada kosa kata umum bahasa Melayu. Perubahan yang berlaku ialah penambahan satu lagi makna polisemi bagi kata sumber *quill*, iaitu penambahan kata 'pelepah' yang berbentuk kata gabungan ('duri landak'). Perubahan kategori kata yang berlaku ialah perubahan daripada kategori kata tunggal kepada jenis kata gabungan.

8. *tuna* (istilah sumber) – ‘ikan tongkol’ (istilah sasaran 1968) ; ‘tongkol’ (istilah sasaran 1988)

Istilah ‘ikan tongkol’ merupakan istilah berbentuk gabungan kata daripada kosa kata umum bahasa Melayu. Istilah ‘ikan tongkol’ diubah menjadi ‘tongkol’ pada tahun 1988. Istilah ‘tongkol’ merupakan bentuk kata akar bebas daripada kosa kata umum bahasa Melayu. Oleh itu, perubahan yang berlaku ialah perubahan bentuk gabungan kata (‘ikan tongkol’) kepada bentuk akar bebas (‘tongkol’). Perubahan kategori kata juga berlaku, iaitu kategori kata gabung (‘ikan tongkol’) menjadi kata tunggal (‘tongkol’). Ini melibatkan perubahan kata yang lebih kompleks kepada yang lebih ringkas.

9. *velutinous* (istilah sumber) – ‘berbulu baldu’ (istilah sasaran 1968) ; ‘bak baldu’ (istilah sasaran 1988)

Istilah ‘berbulu baldu’ merupakan gabungan kata berimbuhan (‘berbulu’) dan kata akar bebas (‘baldu’). Istilah ‘berbulu baldu’ diubah kepada ‘bak baldu’ pada tahun 1988. Istilah ‘bak baldu’ merupakan gabungan dua kata akar bebas, iaitu kata akar ‘bak’ dan kata akar ‘baldu’. Oleh itu, perubahan yang berlaku ialah perubahan bentuk salah satu kata yang digabungkan, yakni kata berimbuhan (‘berbulu’) berubah kepada kata akar bebas (‘bak’).

10. *wax* (istilah sumber) – ‘lilin’ (istilah sasaran 1968) ; ‘lilin’, ‘tahi telinga’ (istilah sasaran 1988)

Istilah ‘lilin’ merupakan istilah berbentuk kata akar bebas daripada kosa kata umum bahasa Melayu. Pada tahun 1988, istilah sumber *wax* ditambah satu lagi makna polisemi, iaitu ‘tahi telinga’. Istilah ‘tahi telinga’ merupakan istilah

berbentuk gabungan kata daripada kosa kata umum bahasa Melayu. Perubahan yang berlaku ialah penambahan satu lagi makna polisemi bagi kata sumber dan kata tersebut merupakan kata berbentuk kata gabung ('tahi telinga'). Perubahan kategori kata yang berlaku ialah perubahan daripada kategori kata tunggal ('lilin') kepada kata gabung ('tahi telinga').

Senarai lengkap istilah yang mengalami perubahan jenis ini serta keterangan lengkap mengenai perubahan berkenaan dapat dilihat dalam lampiran 2. Daripada analisis yang dibuat didapati bahawa terdapat 12 istilah daripada 219 sampel istilah yang berubah, yang mengalami perubahan jenis ini atau 5.5% daripada keseluruhan istilah yang mengalami perubahan.

4.2.4 Perubahan yang Melibatkan Gabungan Faktor-faktor Di atas atau Faktor-faktor Lain.

Perubahan jenis ini melibatkan gabungan faktor-faktor seperti perubahan dalam bilangan kata yang digabungkan dan lambang kata yang dipilih, perubahan ejaan serta pemilihan kata tunggal atau kata jamak, dll. Contohnya adalah seperti yang berikut :

1. *diencephalon* (istilah sumber)- 'otak hujong buritan' (istilah sasaran 1968) ; 'diensefalon' (istilah sasaran 1988)

Istilah 'otak hujong buritan' merupakan bentuk gabungan tiga kata daripada kosa kata umum bahasa Melayu, manakala istilah 'diensefalon' pula merupakan bentuk gabungan dua kata akar yang berasal daripada kata Yunani *dia* (*between*) + *engkephalos* (*brain*). Perubahan istilah 'otak hujong buritan' (1968) kepada 'diensefalon' (1988) merupakan perubahan yang melibatkan perbezaan bilangan

kata yang digabungkan (gabungan tiga kata vs. dua kata) serta perubahan lambang kata daripada asal-usul yang berlainan. Perubahan juga melibatkan pemilihan kata yang lebih telus daripada kosa kata umum bahasa Melayu ('otak hujung buritan') kepada kata yang lebih kabur ('diensefalon') dari segi maknanya. Perubahan juga berlaku daripada pemilihan kata yang lebih umum ('otak hujung buritan') kepada kata yang lebih teknikal ('diensefalon')

2. *flagellum* (istilah sumber)- 'felajela' (istilah sasaran 1968) ; 'flagelum' (istilah sasaran 1988)

Istilah 'felajela' merupakan bentuk jamak bagi kata tunggal yang berasal daripada kata Latin, *flagellum* (*whip*) (bentuk jamak-*flagella*). Ejaannya disesuaikan mengikut *Pedoman Pembentukan Istilah* pada masa itu, iaitu kata asing yang dipinjam dieja mengikut sebutan kata bahasa sumber. Istilah 'flagelum' pula merupakan bentuk tunggal kata yang berasal daripada kata Latin *flagellum* (*whip*), dan ejaannya mengikut *Pedoman Pembentukan Istilah* yang lebih terkini, iaitu kata asing yang dipinjam dieja mengikut bentuk visual ejaan kata bahasa sumber. Oleh itu, perubahan istilah 'felajela' (1968) kepada 'flagelum' (1988) merupakan perubahan yang melibatkan kata berbentuk jamak vs. kata berbentuk tunggal, dan perbezaan ejaan mengikut perubahan semasa.

3. *oogamete* (istilah sumber)- 'gamet obam' (istilah sasaran 1968) ; 'oogamet' (istilah sasaran 1988)

Istilah 'gamet obam' merupakan bentuk gabungan dua kata yang berasal daripada kata Yunani *oon* (*egg*) + *gametes* (*spouse*), dengan susunan kata mengikut struktur susunan kata bahasa sasaran (bahasa Melayu). Istilah 'oogamet' pula

yang juga merupakan bentuk gabungan dua kata yang berasal daripada kata Yunani *oon* (*egg*) + *gametes* (*spouse*) dibentuk mengikut struktur susunan bahasa sumber (bahasa Inggeris). Oleh itu, perubahan yang berlaku ialah perubahan cara susunan kata, iaitu mengikut struktur susunan bahasa Melayu berubah kepada struktur susunan bahasa sumber.

4. *amoeboid movement* (istilah sumber) – ‘bergerak seperti ameba’ (istilah sasaran 1968) ; ‘pergerakan ameboid’ (istilah sasaran 1988)

Istilah ‘bergerak seperti ameba’ merupakan istilah berbentuk gabungan kata daripada kosa kata umum bahasa Melayu. Istilah ‘bergerak seperti ameba’ diubah kepada ‘pergerakan ameboid’ pada tahun 1988. Perubahan yang berlaku ialah perubahan bilangan kata yang digabungkan, iaitu gabungan tiga kata (‘bergerak + ‘seperti’ + ‘ameba’) menjadi gabungan dua kata (‘pergerakan’ + ‘ameboid’). Jenis imbuhan awal yang digunakan juga berubah, yakni awalan ber- dalam ‘bergerak seperti ameba’ menjadi awalan per- dalam ‘pergerakan ameboid’. Istilah ‘bergerak seperti ameba’ kelihatan menyamai frasa umum yang diubah menjadi ‘pergerakan ameboid’ yang kelihatan lebih teknikal dan mempunyai ciri istilah.

5. *aorta* (istilah sumber) – ‘salonadi agong’ (istilah sasaran 1968) ; ‘aorta’ (istilah sasaran 1988)

Istilah ‘salonadi agong’ merupakan istilah berbentuk gabungan kata daripada kosa kata umum bahasa Melayu. Istilah ‘salonadi agong’ diubah menjadi ‘aorta’ pada tahun 1988. Perubahan yang berlaku ialah perubahan daripada bentuk gabungan (‘salonadi agong’) kepada bentuk kata akar bebas (‘aorta’). Kategori kata juga berubah, iaitu kata gabung (‘salonadi agong’) kepada kata tunggal (‘aorta’).

Perubahan asal-usul lambang istilah yang dipilih juga berlaku, iaitu daripada lambang yang berasal daripada bahasa Melayu ('salonadi agong') menjadi lambang yang berasal daripada bahasa asing ('aorta').

6. *bronchus* (istilah sumber) – 'chabang tenggorok' (istilah sasaran 1968) ; 'bronkus' (istilah sasaran 1988)

Istilah 'chabang tenggorok' (ejaan diubah kepada 'cabang tenggorok' mengikut Sistem Ejaan Baru selepas 1972) merupakan istilah berbentuk gabungan kata daripada kosa kata umum bahasa Melayu. Istilah 'cabang tenggorok' diubah menjadi 'bronkus' pada 1988. Perubahan yang berlaku ialah perubahan bentuk gabungan kata ('cabang tenggorok') kepada bentuk kata akar bebas ('bronkus'). Jenis kata pula melibatkan perubahan daripada kata gabung ('cabang tenggorok') kepada kata tunggal ('bronkus'). Perubahan pemilihan lambang kata dari segi asal-usul kata juga berlaku, iaitu 'cabang tenggorok' yang berasal daripada bahasa Melayu diubah menjadi 'bronkus' yang berasal daripada kata asing. Selain itu, perubahan daripada kata yang lebih umum ('cabang tenggorok') kepada kata yang lebih teknikal ('bronkus') juga telah berlaku. Ini seterusnya melibatkan perubahan daripada kata yang telus ('cabang tenggorok') kepada kata yang kabur ('bronkus') dari segi maknanya.

7. *carnivorous animal* (istilah sumber) – 'binatang maging' (istilah sasaran 1968) ; 'haiwan karnivor' (istilah sasaran 1988)

Istilah 'binatang maging' merupakan istilah berbentuk gabungan kata daripada kosa kata umum bahasa Melayu. Istilah 'binatang maging' diubah menjadi 'haiwan karnivor' pada 1988. Perubahan yang berlaku ialah perubahan lambang

kata yang dipilih walaupun daripada asal-usul yang sama, iaitu kata 'binatang' diubah menjadi 'haiwan'. Selain itu, istilah 'binatang maging' merupakan gabungan dua kata daripada kosa kata bahasa Melayu ('binatang' + 'maging') diubah kepada 'haiwan karnivor' yang merupakan gabungan kata daripada bahasa Melayu ('haiwan') dan kata asing ('karnivor') yang diserap ke dalam bahasa Melayu. Kata 'maging' dibentuk melalui proses pemendekan (akronim), iaitu sebahagian kata 'makan' + 'daging', manakala kata 'karnivor' pula dipinjam daripada kata asing dan disesuaikan ejaannya

8. *efflorescence* (istilah sumber – 'pengorakan' (istilah sasaran 1968) ; 'kemekaran', 'keefloresenan' (istilah sasaran 1988)

Istilah 'pengorakan' merupakan istilah yang mempunyai bentuk berimbuhan daripada kosa kata umum bahasa Melayu. Istilah 'pengorakan' diubah menjadi 'kemekaran' dan 'keefloresenan' pada 1988. Perubahan yang berlaku ialah perubahan lambang kata akar bebas yang diimbuhkan, iaitu kata 'orak' dalam 'pengorakan' berubah menjadi 'mekar' dalam 'kemekaran' dan 'efloresen' dalam 'keefloresenan'. Selain itu, perubahan imbuhan yang digunakan juga berlaku, iaitu penggunaan imbuhan pe ... an dalam 'pengorakan' menjadi penggunaan imbuhan ke ... an dalam 'kemekaran' dan 'keefloresenan'.

9. *evolution* (istilah sumber) – 'ubahansor'(istilah sasaran 1968) ; 'evolusi' (istilah sasaran 1988)

Istilah 'ubahansor' merupakan istilah berbentuk gabungan kata daripada kosa kata umum bahasa Melayu. Istilah 'ubahansor' diubah menjadi 'evolusi' pada tahun 1988. Perubahan yang berlaku ialah perubahan bentuk gabungan kata

('ubahansor') menjadi bentuk akar bebas ('evolusi'). Kategori kata juga berubah, iaitu kategori kata gabung ('ubahansor') menjadi kata tunggal ('evolusi'). Perubahan juga berlaku dari segi asal-usul kata yang dipilih, yakni kata daripada kosa kata bahasa Melayu ('ubah ansor') berubah menjadi kata yang berasal daripada kata asing ('evolusi'). Perubahan daripada kata yang lebih umum ('ubahansor') menjadi kata yang lebih teknikal ('evolusi') juga telah berlaku.

10. *incisor* (istilah sumber) – 'gigi kachip' (istilah sasaran 1968) ; 'kacip' (istilah sasaran 1988)

Istilah 'gigi kachip' (ejaan diubah menjadi 'gigi kacip' selepas 1972 mengikut Sistem Ejaan Baru) merupakan istilah berbentuk gabungan kata daripada kosa kata umum bahasa Melayu. Istilah 'gigi kacip' diubah menjadi 'kacip' pada tahun 1988. Perubahan yang berlaku ialah perubahan daripada kata gabung ('gigi kacip') kepada kata akar bebas ('kacip'). Kategori kata pula berubah daripada kata gabung ('gigi kacip') kepada kata tunggal ('kacip'), iaitu kata yang lebih panjang menjadi kata yang lebih pendek.

Senarai lengkap istilah yang mengalami perubahan jenis ini serta keterangan lengkap tentang perubahan tersebut dapat dilihat dalam lampiran 2. Daripada analisis yang dibuat didapati bahawa terdapat 99 istilah daripada 219 sampel istilah yang berubah, yang mengalami perubahan jenis ini, atau 45.2%. Nilai peratus yang tertinggi menunjukkan bahawa perubahan jenis ini merupakan jenis yang paling kerap berlaku.

4.3 RINGKASAN DAPATAN

Hasil analisis perubahan morfologi istilah (Lampiran 2) dapat diperlihatkan seperti dalam Jadual 4.2.

Jadual 4.2 Jadual Bilangan Serta Peratus Istilah Yang Mengalami Perubahan Morfologi Akibat Faktor Tertentu

Bil.	Faktor Pengubah Istilah	Jumlah istilah	Peratus
1.	Faktor Sejarah	28	12.8%
2.	Lambang/asal-usul Kata	80	36.5%
3.	Kategori Kata	12	5.5%
4.	Gabungan Faktor di atas, atau faktor-faktor lain.	99	45.2%
.	Jumlah	219	100%

Jadual menunjukkan bahawa gabungan faktor-faktor sejarah, lambang asal-usul kata, kategori kata atau faktor-faktor lain merupakan faktor penyebab utama perubahan istilah. Sebaliknya, faktor kategori kata merupakan faktor penyebab yang paling sedikit menyebabkan berlakunya perubahan istilah.